

Najib gagal gugur hakim kes 1MDB



NAJIB Tun Razak hadir di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bagi perbicaraan kes memperoleh suapan berjumlah RM2.3 bilion milik 1MDB dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram.
- UTUSAN/ISKANDAR ISHAK

Oleh **NORLIZAH ABAS**
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah kekal mendengar perbicaraan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) di Mahkamah Tinggi di sini selepas beliau menolak permohonan Datuk Seri Najib Tun Razak agar menarik diri daripada kes itu.

Beliau yang kini hakim Mahkamah Rayuan berpuas hati, penglibatannya selaku hakim bicara dalam kes tersebut tidak menimbulkan konflik kepentingan mahupun mewujudkan situasi berat sebelah terhadap tertuduh berhubung pertikaian isu melibatkan bekas peguam 1MDB, Jasmine Loo Ai Swan.

Hakim Collin berpendapat, bekas Perdana Menteri gagal membuktikan bahawa selaku hakim bicara, beliau akan berlaku tidak hadir terhadapnya.

Ekoran keputusan itu, peguam Tan Sri Dr. Muhammad Shafee Abdullah mengemukakan permohonan agar perbicaraan digantung sementara me-

nunggu rayuan di Mahkamah Rayuan serta memfailkan notis rayuan.

Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Akram Gharib sebaliknya membantah atas alasan tiada keadaan istimewa yang mewajarkan mahkamah menangguhkan prosiding.

Hakim Collin menolak permohonan itu dan meneruskan prosiding dengan mendengar keterangan bekas Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz pada sesi pemeriksaan balas.

Ketika menyampaikan keputusannya, Hakim Collin menyentuh isu melibatkan bekas peguam 1MDB itu yang menjadi asas kepada permohonan Najib untuk menggugurkan beliau daripada mendengar kes tersebut.

Hakim berkenaan menjelaskan, beliau tidak lagi berkomunikasi dengan Jasmine sejak 15 tahun lalu selepas wanita itu meninggalkan firma guaman Tetuan Zain & Co. pada 31 Disember 2008.

Ujar beliau, keterangan bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibra-

him Halmi turut menyatakan, penglibatan Jasmine dalam 1MDB bermula sekitar 2011 dan tiada kena mengena dengan sejarah tugas di antara beliau (Collin) dan bekas peguam itu.

Menurut Hakim Collin, meskipun Jasmine dipanggil sebagai saksi dalam kes itu, tiada bukti menunjukkan beliau gagal menilai keterangan bekas rakan kongsinya itu dan kredibilitinya secara sedar atau sebaliknya.

Ujar beliau, perlu wujud kaitan di antara hakim dan situasi persekitaran sebelum membuat keputusan sama ada menarik diri daripada mendengar sesuatu kes.

Sehubungan itu, Hakim Collin berpuas hati bahawa bekas Perdana Menteri gagal membuktikan wujud hubung kait di antara beliau dan Jasmine dalam bentuk komunikasi secara peribadi atau pertemuan dengannya.

Sementara itu, Zeti ketika memberi keterangan semalam memberitahu, beliau tidak lagi berhubungan dengan BNM selepas bersara pada 2016.

Perbicaraan bersambung 28 Ogos ini.